



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

21 MAC 2023 (SELASA)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR (KPDN)

21 MAC 2023 (SELASA)



Cadang perkenal insurans Rahmah

Inisiatif beri rakyat kadar perlindungan lebih berpatutan

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim
mohd_iskandar@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) bercadang memperkenalkan inisiatif Rahmah dalam sektor insurans bagi membolehkan rakyat menikmati kadar perlindungan yang lebih berpatutan.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata setakat ini sebuah syarikat sudah memberi maklum balas yang baik berhu-

bung cadangan itu.

"Pertama yang beri maklum balas ialah syarikat Etiqa dan saya sudah meminta pegawai untuk mengadakan libat urus untuk kita melihat macam mana kita boleh kita jayakan inisiatif ini.

"Mungkin kita boleh tawarkan insurans Rahmah, sama ada (perlindungan) kenderaan, perumahan, hartanah dan seumpamanya," katanya ketika ditemui selepas menghadiri Kenduri Menu Rahmah di Parlimen, semalam.

Tarik lebih banyak syarikat

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, biarpun setakat ini hanya sebuah syarikat memberi maklum balas positif, beliau yakin lebih banyak syarikat akan turut serta apabila ia dilaksanakan.

Mengenai perancangan untuk memperkenalkan inisiatif se-

rupa dalam sektor perbankan, beliau akan meminta bantuan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz untuk merealisasikan usaha berkenaan.

"Mungkin minggu depan, kita akan adakan libat urus dengan pihak perbankan pula," katanya.

Terdahulu, Salahuddin mengiringi Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, menghadiri Kenduri Menu Rahmah, yang diadakan di Dewan Serba Guna Parlimen.

Kenduri anjuran KPDN itu membolehkan ahli Parlimen merasai sendiri kualiti makanan yang ditawarkan menerusi inisiatif Menu Rahmah, yang dilancarkan kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, terutama golongan B40.



Salahuddin pada sidang media pada Kenduri Menu Rahmah di Parlimen, semalam. (Foto BERNAMA)

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul dan Speaker Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim.

Lebih 2,000 tetamu menghadiri kenduri berkenaan termasuk ahli Parlimen bagi menikmati Menu Rahmah secara percuma.

Sebanyak 14 pemain industri, termasuk persatuan penyedia makanan yang menawarkan Menu Rahmah, menyertai ken-

duri berkenaan.

Antaranya, Mydin, AEON Big, Persatuan Pengusaha Restoran Makanan India Muslim, Pertubuhan Sahabat Tom Yam Prihartin SeMalaysia, PLUS Berhad, Marry Brown Sdn Bhd, Old Town White Coffee, McDonalds Malaysia, Bubblebee, Mios Kitchen dan Temerloh Catering Sdn Bhd.

Perdana Menteri turut dibawa melawat ke semua gerai terabit untuk melihat menu yang ditawarkan.

Lagi restoran terkemuka tawar Menu Rahmah

Oleh **ASLINDA NASIR**
aslinda.nasir@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Beberapa restoran makanan segera menyertai program Menu Rahmah yang menawarkan harga RM5 bagi set tertentu kepada pelanggannya.

Antaranya Texas Chicken Malaysia, Mios Kitchen, Bubblebee, Oldtown White Coffee, Temerloh Catering Sdn. Bhd. dan A&W Malaysia.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, beliau menghargai usaha pemain industri yang bekerjasama menjayakan program itu.

Beliau turut berterima kasih kepada beberapa Kementerian yang terlibat memperluaskan program itu yang bertujuan meringankan beban rakyat.

"Kepada Menteri Kerja Raya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi yang mengambil inisiatif dengan hampir semua premis di Rehat & Rawat (R&R) Utara Selatan menyajikan Menu Rahmah,



ANWAR Ibrahim mencuba juadah yang disediakan pada Kenduri Menu Rahmah Kasih Sayang di Parlimen, semalam. - JABATAN PENERANGAN

ia sudah pasti memberi kegembiraan pengunjung.

"Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin juga telah memberikan beberapa kemudahan penyewaan di semua premis univer-

siti dari RM10 kepada RM3.50. Ini semua berita gembira kepada pelajar universiti yang dapat menikmati hidangan sampai malam. Dengan RM10 boleh bersarapan, makan tengah hari dan malam," ujarnya.

Terdahulu Kementerian beliau menganjurkan program Kenduri Menu Rahmah Kasih Sayang di Parlimen dengan penyertaan 15 jenama restoran.

Turut hadir Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi, Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul dan Speaker Dewan Negara, Tan Sri Rais Yatim.

Ahli parlimen kerajaan dan pembangkang turut serta.

Antara jenama yang terlibat Texas Chicken Malaysia, Mydin, Mios Kitchen, Bubblebee, Oldtown White Coffee dan Plus Malaysia Berhad.

"Sebagaimana yang saya janjikan, KPDN menganjurkan kenduri rahmah, kita pamerkan kepada masyarakat bahawa janji kita dengan rakyat bukan satu menu yang lekeh. Saya ucap terima kasih kepada semua pemain industri, sekecil-kecil pun berniaga di bawah pokok, mereka tidak berkompromi tentang kualiti dan kuantiti," katanya.

KPDN perluas inisiatif Rahmah dalam sektor perbankan, insurans

Kuala Lumpur: Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) akan memperluaskan inisiatif Rahmah dalam sektor perbankan dan insurans bagi membolehkan orang ramai menikmati faedahnya.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, setakat ini sebuah syarikat insurans menyambut baik mengenai perkara ini dan pihaknya mengadakan libat urus dalam masa terdekat.

"Yang pertama sekali telah respon adalah Etiqa In-

surance. Saya minta pegawai libat urus, tengok macam mana kita boleh jayakan insurans Rahmah ini sama ada kenderaan, perumahan, hartanah dan seumpamanya.

"Dengan perbankan, saya telah minta Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz (Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri) bantu saya dan mungkin dalam minggu depan kita akan adakan libat urus dengan perbankan pula," katanya kepada pemberita selepas

menghadiri Kenduri Menu Rahmah di Dewan Serbaguna, Parlimen semalam.

Salahuddin juga melahirkan keyakinan, berkemungkinan akan ada lagi syarikat lain mengikut jejak langkah seperti Etiqa Insurance.

"Macam menu juga. Bila satu syarikat sudah mula, dia akan jadi kesan domino. Kita tengok dulu apa tawaran terbaik daripada Etiqa dan saya rasa syarikat insurans lain akan ikut. Jadi kita tunggu berita baik ini," katanya.

'Rahmah' expands:
Vehicle insurance to
be introduced next?
» PAGE 5

EXPANDING THE INITIATIVE

RAHMAH VEHICLE INSURANCE NEXT?

Ministry to hold talks with vehicle insurance provider Etiqa soon, says Salahuddin

A PLAN to introduce a Rahmah vehicle insurance scheme is in the pipeline as part of the government's bid to extend the Rahmah initiative beyond food and basic necessities.

Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub said the idea was well-received by vehicle insurance provider Etiqa.

He said engagement sessions with its representatives would be held soon.

"As with Menu Rahmah, I'm confident this (plan) will also encourage other companies to follow suit. We will first have to see what would be the best (package) Etiqa can offer," he said after attending a Kenduri Rahmah held at the Parliament's multipurpose hall, yesterday.

On a Rahmah initiative with the banking sector, Salahuddin said he had sought the help of International Trade and Industry Minister Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz in engagement sessions with banks. He said the ministry was ex-



Domestic Trade and Cost of Living Minister Datuk Seri Salahuddin Ayub speaking to the press after attending the Kenduri Rahmah held at the multipurpose hall of Parliament in Kuala Lumpur, yesterday. BERNAMA PIC

pected to hold a session with bank representatives next week.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim and Deputy Prime Minister Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamid were among those

trying out the Menu Rahmah dishes offered at the event.

Salahuddin said the event was proof that the Menu Rahmah was not "low-class" despite its RMS price tag.

"I would like to thank all industry players, from big (companies) to small businesses, as they have never compromised on food quality and quantity."

Works Minister Datuk Seri

Alexander Nanta Linggi also ensured that almost every outlet in the North-South Expressway rest-and-relaxation areas provides the Menu Rahmah to help travellers.



FOTO: BERNAMA

Anwar (dua dari kiri) melihat dan meninjau juadah yang disediakan pada Kenduri Menu Rahmah di Bangunan Parlimen pada Isnin.

Kenduri Menu Rahmah di Parlimen

KUALA LUMPUR- Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim meluangkan masa menghadiri Kenduri Menu Rahmah yang berlangsung di Dewan Serbaguna Parlimen, pada Isnin.

Kenduri anjuran Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) itu membolehkan ahli Parlimen merasai sendiri kualiti makanan yang ditawarkan menerusi inisiatif Menu Rahmah, yang dilancarkan kerajaan dalam membantu mengurangkan kos sara hidup rakyat, terutama golongan B40.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin

Ayub berkata, sebanyak 14 pemain industri termasuk persatuan-persatuan penyedia makanan yang menawarkan Menu Rahmah telah berjaya dikumpulkan dalam majlis berkenaan.

"Seramai 2,500 jemputan telah menghadiri kenduri pada hari ini (Isnin). KPDN mengucapkan terima kasih kepada semua penyedia makanan kerana menyertai majlis kenduri ini dan menyediakan makanan Menu Rahmah kepada jemputan secara percuma.

"Ini menunjukkan sinergi yang positif antara pengusaha makanan dan kerajaan serta manifestasinya adalah kejayaan penganjuran program

pada hari ini (Isnin)," katanya.

Kenduri itu turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, Speaker Dewan Rakyat, Datuk Johari Abdul dan Speaker Dewan Negara, Tan Sri Dr Rais Yatim.

Antara industri dan persatuan yang menyertai majlis kenduri itu adalah Mydin, AEON Big, Persatuan Pengusaha Restoran India Muslim, Pertubuhan Sahabat Tom Yam Prihatin Se-Malaysia, PLUS Berhad, Marry Brown Sdn Bhd, Old Town White Coffee, McDonald's Malaysia, Burger King, A&W Malaysia, Texas Chicken Malaysia, Bubblebee, Mios Kitchen dan Temerloh Catering Sdn Bhd.



PRIME FARE ... Premier Datuk Seri Anwar Ibrahim being served fast food during a Menu Rahmah 'kenduri' at the Parliament building yesterday. - **BERNAMAPIC**

Sasar jualan RM4 juta melalui Ramadan Madani

KUANTAN - Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) Pahang menyasarkan jualan sehingga RM4 juta menerusi Program Ramadan Madani di 18 lokasi pasar tani di Pahang.

Pengarahnya, Saiful Sadri berkata, program jualan itu dianjurkan sempena meraikan bulan Ramadan tahun ini.

Menurutnya, harga jualan yang ditawarkan itu lebih menarik dan murah berbanding pasaran lain iaitu antara lima hingga 10 peratus.

"Program ini (Ramadan Madani) kita akan adakan di Pasar Tani di seluruh negeri melalui jualan terus dari ladang.

"Kita akan memilih lokasi-lokasi yang didiami ramai B40, sekali gus membantu mereka mendapatkan barangan keperluan pada murah," katanya.

Beliau berkata, demikian pada sidang akhbar selepas Program Penyerahan Bubur Lambuk yang dirasmikan Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Fuziah Salleh di Pasar



SAIFUL

Tani UTC di sini pada Ahad.

Saiful berkata, FAMA juga akan melibatkan rakan pemasar dalam projek ini bagi memastikan harga lebih murah berbanding pasaran biasa.

"Kalau di Kuantan, kita ada lima hingga enam rakan pemasar yang

mengumpulkan barangan keperluan daripada pengusaha dan petani untuk jual kepada pengguna menerusi jualan terus dari ladang.

"Jadi, dengan cara ini kita boleh tawarkan harga yang lebih murah kerana ia tidak melalui orang tengah," ujar beliau.

Mengulas lanjut mengenai program Ramadan Madani, Saiful menjelaskan, kerjasama dengan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) akan dilaksanakan.

Katanya, ini bagi memastikan bekalan atau stok ayam dan ikan mencukupi sepanjang bulan Ramadan dan ketibaan bulan Syawal nanti.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

MEDIA ONLINE (KPDN)

21 MAC 2023 (SELASA)

BERITA ONLINE BERTARIKH 21 MAC 2023

TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
21-Mar	KPDN anjur kenduri Menu Rahmah di parlimen	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kpdn-anjur-kenduri-menu-rahmah-di-parlimen/	UM
21-Mar	KPDN cadang perkenal 'Insuran Rahmah'	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2174751	BERNAMA
21-Mar	Insurance company ready to join Rahmah initiative - minister	https://m.malaysiakini.com/news/659330	MALAYSIAKINI
21-Mar	KPDN cadang perkenal 'Insurans Rahmah'	https://www.google.com/amp/s/www.astroawani.com/berita-malaysia/kpdn-cadang-perkenal-insurans-rahmah-411694%	ASTROAWANI
21-Mar	Govt plans to introduce Rahmah Insurance initiative, says Salahuddin	https://www.theedgemarkets.com/node/659943	THEEDGEMARKETS
21-Mar	Insuran Rahmah pula akan diperkenalkan kepada rakyat – Salahuddin	https://malaysiagazette.com/2023/03/20/insuran-rahmah-pula-akan-diperkenalkan-kepada-rakyat-salahuddin/	MALAYSIAGAZETTE
21-Mar	KPDN perluaskan inisiatif Rahmah kepada sektor perbankan dan Insurans	https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/59768-kpdn-perluaskan-inisiatif-rahmah-kepada-sektor-perbankan-dan-insurans	BERITARTM
21-Mar	Kerajaan cadang perkenal insurans rahmah untuk rakyat nikmati kadar perlindungan berpatutan	https://www.dagangnews.com/content/kerajaan-cadang-perkenal-insurans-rahmah-untuk-rakyat-nikmati-kadar-perindungan-berpatutan-24954	DAGANGNEWS
21-Mar	Coming: cheaper insurance under Rahmah scheme	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/03/20/coming-cheaper-insurance-under-rahman-scheme/	FMT
21-Mar	Inisiatif Rahmah Berpotensi Diperluas Dalam Insurans – KPDN	https://rnggt.com/202328794/	RNGGT

21-Mar	KPDN Cadang Perkenal 'Insurans Rahmah'	https://youtu.be/yaPm0atW33A	BULETINTV9
21-Mar	20 MAC 2023 - BERITA WILAYAH - INISIATIF RAHMAH ANJURAN KPDN: TAWARKAN BISKUT RAHMAH SEREN-DAH RM5	https://youtu.be/8vc8ozx6R_8	BERITARTM
21-Mar	INISIATIF RAHMAH Kerajaan Ca-	https://youtu.be/iC-Sg98D6XA	BULETINTV3
21-Mar	KPDN cadang perkenal 'Insurans Rahmah'	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250611	SH
21-Mar	Industri kilang dipelawa sertai Jualan Rahmah	https://malaysiagazette.com/2023/03/20/industri-kilang-dipelawa-sertai-jualan-rahmah/	MALAYSIAGAZETTE
21-Mar	Govt encourages manufacturers to join Jualan Rahmah	https://www.themalaysianinsight.com/s/433892	THEMALAYSIAINSIGHT
21-Mar	Kilang makanan perlu sertai Jualan Rahmah	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/kilang-makanan-perlu-sertai-jualan-rahmah/	UM
21-Mar	Government calls on manufacturers to join 'Jualan Rahmah'	https://www.google.com/amp/s/www.sinardaily.my/ampArticle/192424	SHDAILY
21-Mar	Industri perkilangan disaran sertai inisiatif jualan Rahmah	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947919/industri-perkilangan-disaran-sertai-inisiatif-jualan-rahmah	HM
21-Mar	Industri perkilangan disaran sertai inisiatif Jualan Rahmah	https://www.melakahariini.my/industri-perkilangan-disaran-sertai-inisiatif-jualan-rahmah/	MELAKAHARINI
21-Mar	Industri perkilangan disaran sertai inisiatif Jualan Rahmah	https://sarawakvoice.com/2023/03/21/industri-perkilangan-disaran-sertai-inisiatif-jualan-rahmah/	SARAWAKVOICE

21-Mar	Industri perkilangan disaran sertai inisiatif jualan Rahmah	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2174811	BERNAMA
21-Mar	Tiada keperluan tubuh Pasukan Khas Jihad Inflasi - Fuziah Salleh	https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/59787-tiada-keperluan-tubuh-pasukan-khas-jihad-inflasi-fuziah-salleh	BERITARTM
21-Mar	Salahuddin Ayub floats idea of tax breaks for tycoons who fund 'affordable hypermarts'	https://www.google.com/amp/s/www.malaymail.com/amp/news/malaysia/2023/03/21/salahuddin-ayub-floats-idea-of-tax-breaks-for-tycoons-who-fund-affordable-hypermarts/59820	MALAYMAIL
21-Mar	KPDN gempur lagi Jalan Petaling	https://www.google.com/amp/s/www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2023/03/947950/kpdn-gempur-lagi-jalan-petaling	HM
21-Mar	Barang tiruan 'gred A' dirampas	https://www.google.com/amp/s/www.sinarharian.com.my/ampArticle/250657	SH
21-Mar	Peniaga Bazar Ramadan Bayan Baru dapat ruang niaga konsep Rahmah	https://malaysiaga-zette.com/2023/03/20/peniaga-bazar-ramadan-bayan-baru-dapat-ruang-niaga-konsep-rahmah/	MALAYSIAGAZETTE
21-Mar	Lelaki ditahan simpan 80 tong LPG dalam stor khas	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/03/lelaki-ditahan-simpan-80-tong-lpg-dalam-stor-khas/	UM
21-Mar	Penang KPDN seizes over 50,000 litres of subsidised diesel	https://www.thesundaily.my/local/penang-kpdn-seizes-over-50000-litres-of-subsidised-diesel-GB10773072	THESUNDAILY
21-Mar	KPDN P.Pinang tumpaskan kegiatan penyeludupan diesel	https://malaysiaga-zette.com/2023/03/20/kpdn-p-pinang-tumpaskan-kegiatan-penyeludupan-diesel/	MALAYSIAGAZETTE

21-Mar	KPDN Pulau Pinang rampas 50,340 liter diesel sejak Ops Tris 1 Mac lalu	https://www.buletintv3.my/jenayah/kpdn-pulau-pinang-rampas-50340-liter-diesel-sejak-ops-tris-1-mac-lalu/?utm_source=BUTV3&utm_medium=terkini	BULETINTV3
21-Mar	KPDN Pulau Pinang rampas 50,340 liter diesel sejak Ops Tris 1 Mac lalu	https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2174843	BERNAMA